

MM Chip hak milik Malaysia sepenuhnya

UM 10 SEP 2000

PUTRAJAYA 9 Sept. — Kerajaan kini mempunyai hak milik sepenuhnya terhadap mikro cip termaju di dunia apabila perjanjian mengenai ditandatangani hari ini.

Dengan termeterainya perjanjian itu, ini bermakna Malaysia mempunyai hak mereka bentuk cip mikro yang dikenali sebagai Mikro cip Malaysia (MM Chip).

Perjanjian itu juga memberikan hak kepada Malaysia untuk mengeluarkan dan seterusnya memasarkan MM Chip ke seluruh dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dengan Syarikat First Hill Electronics Co. (M) Sdn. Bhd. (FEC Malaysia) di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Pada majlis itu, Malaysia diwakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Rais Yatim manakala FEC oleh ketua pegawai eksekutifnya, Kunioki Ichioka.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara, Tan Si Samsudin Osman, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan Tan Sri Shamsuddin Hitam.

FEC Malaysia ialah usaha sama 50-50 antara kerajaan Malaysia dan FEC Inc. Jepun.

FEC Inc. yang beribu pejabat di Jepun merupakan sebuah syarikat elektronik yang pada mulanya terlibat dengan penghasilan antena untuk televisyen dan komunikasi satelit.

Bercakap pada sidang akhbar kemudiannya, Dr. Mahathir berkata, tidak seperti mikro cip lain yang banyak terdapat di pasaran, MM Chip mempunyai antena yang boleh digunakan untuk pelbagai aplikasi termasuk kesihatan dan keselamatan.

MM Chip berukuran 0.25 mm persegi yang menyamai saiz satu titik pen dan boleh disematkan dalam kertas, boleh digunakan dalam pelbagai aplikasi atau produk mengikut kreativiti syarikat teknologi, terutama yang mementingkan maklumat, ciri keselamatan dan pengesahan kesahihan.

Cip itu boleh dihasilkan pada nilai kurang RM0.38 setiap satu dan mampu menjadi produk yang memberikan nilai tambah kepada produk-produk sedia ada dengan memberikan penjimatan masa, ruang dan kos.

MM Chip menggunakan teknologi pengenalan frekuensi radio (RFID) yang boleh juga digunakan di Amerika Syarikat dan Eropah yang menggunakan frekuensi RFID standard yang berbeza daripada di Jepun.

Menurut Dr. Mahathir, pada peringkat awal, MM Chip masih dikeluarkan di Jepun dan dijangka beroperasi di Malaysia mulai tahun depan.

Cip itu akan dikeluarkan di Silteera Malaysia Sdn. Bhd., Taman Teknologi Kulim, Kedah.

Dr. Mahathir bagaimanapun enggan mengemukakan jumlah bayaran yang dikenakan FEC Inc. syarikat penyelidikan dan pembangunan dari Jepun yang mereka bentuk MM Chip itu.

"Transaksi itu (dilakukan) dengan harga yang bersesuaian," jelasnya.

Mengenai pulangan pelaburan yang bakal diperoleh Malaysia, Dr. Mahathir berkata, tujuan utama Malaysia memiliki hak ke atas MM Chip adalah untuk mengetahui dan memahami teknologi terbaru itu yang amat berfaedah kepada Malaysia.

"Kita tidak hanya melihat kepada keuntungan semata-mata tetapi lebih kepada kemajuan teknologi," jelasnya.

Dengan saiznya yang paling kecil, Dr. Mahathir yakin MM Chip akan mendapat pasaran luas di seluruh dunia berbanding mikro cip lain yang lebih besar.

Dalam pada itu, Ichioka berkata, FEC Inc. gembira dapat menjalinkan kerjasama dengan Malaysia bagi mengembangkan penggunaan MM Chip.

Selain penggunaan pada kertas, beberapa senario lain pengguna MM Chip ialah:

- Pengguna di pasar raya tidak perlu menunggu untuk setiap barangan mereka dikira satu persatu kerana mikro cip tersebut membolehkan semua barangan yang dibeli diimbas sekali dan terus menghimpunkan nilai jualan.

- Mikro cip tersebut boleh dipasang pada peluru untuk membantu pihak berkuasa mengesan senjata yang digunakan sekiranya perlu.

- Kad kredit hanya perlu diimbas sekali sahaja.